

20/10/2001

Kesan Belanjawan 2002 menyeluruh

BELANJAWAN 2002 meskipun tidak memberi nikmat secara langsung kepada semua pihak, tetap mendapat pujian berikutan kesan limpahan yang dibawanya dijangka menyeluruh.

Sektor perbankan dan kewangan misalnya yang tidak tersentuh secara langsung oleh cadangan dalam belanjawan negara yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, tetap yakin akan dapat manfaat daripadanya.

Ketua Eksekutif Bumiputra-Commerce Bank Bhd (BCB), Dr Rozali Mohamed Ali, berkata meskipun kerajaan tidak mengumumkan secara langsung cadangan untuk sektor perbankan dan kewangan pada 2002, belanjawan seimbang dan menyeluruh yang dicadangkan akan mewujudkan persekitaran ekonomi yang lebih jelas untuk rakyat membuat perancangan masa depan.

"Berikutan perbelanjaan besar yang dibuat kerajaan pada tahun depan, peserta pasaran akan lebih yakin dengan tinjauan masa depan Malaysia dan keupayaan negara menangkis serangan luaran," katanya mengulas Belanjawan 2002.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM) menjangkakan pertumbuhan pinjaman tahun depan meningkat kepada antara tujuh peratus hingga lapan peratus berbanding pertumbuhan pinjaman sekitar lima peratus tahun ini.

Sektor hartanah turut berpandangan sama. Meskipun, tiada sebarang insentif khusus untuk sektor itu, peserta industri menganggap Belanjawan 2002 berupaya memberi kesan positif.

Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda), Datuk Eddy Chen Lok Loi, berkata pengurangan cukai pendapatan individu yang bertujuan meningkatkan perbelanjaan pengguna mampu menjana kepada permintaan domestik, termasuk permintaan untuk hartanah.

Penubuhan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) yang diumumkan Dr Mahathir juga disambut baik oleh industri itu yang menganggapnya sebagai langkah strategik.

REIT ditubuhkan bagi membantu mempermudah syarikat bermasalah menyusun semula operasi mereka. Ia dapat memperluaskan sumber pembiayaan sektor hartanah di samping memberi lebih nilai bagi pelaburan dalam sektor itu untuk jangka panjang.

Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI) berpendapat langkah kerajaan mengurangkan cukai pendapatan individu satu peratus hingga dua peratus membantu menggerakkan perbelanjaan pengguna serta mengekal dan menarik kehadiran profesional di negara ini.

"Ia adalah perubahan positif terhadap struktur cukai pendapatan negara ini yang tidak begitu menarik berbanding negara lain di rantau ini," kata MICCI dalam satu kenyataan.

MICCI juga menyambut baik langkah kerajaan menghapuskan sekatan pada pembayaran cukai dua bulan sebagai perbelanjaan boleh dipotong kerana ia dapat membantu meningkatkan kecekapan dan produktiviti pekerja.

Bagaimanapun, MICCI kecewa kerana tiada potongan dalam kadar cukai korporat ketika kini persaingan pelaburan semakin meningkat.

Persatuan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia berpendapat kerajaan memperuntukkan insentif yang cukup untuk Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) menerapkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam operasi.

"Insentif yang diberi untuk menggalakkan syarikat menyertai perniagaan luar negara menerusi laman web juga dijangka memberi kesan yang baik

kepada perniagaan EKS," kata Presidennya, Looi Teong Chye.

Selain itu katanya, EKS dapat mengurangkan kos operasinya kerana pemansuhan duti beberapa produk dan pengecualian cukai untuk beberapa industri.

(END)